

MERUNGKAI METAFORA DAKWAH DAN NILAI-NILAI MORAL MENERUSI VISUAL KOMIK AWANG BOHONG

UNRAVEL THE METAPHOR OF DA'WAH AND MORAL VALUES THROUGH THE VISUAL COMICS OF AWANG BOHONG

Fazlina Mohd Radzi¹
Liza Marziana Mohammad Noh²
Haslinda Abd Razak³
Shaliza Dasuki⁴
Nor Arseha Karimon⁵

¹Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, , Melaka Malaysia, (E-mail: fazlinaradzi@uitm.edu.my)

²Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, , Melaka Malaysia, (E-mail: lizamarziana@uitm.edu.my)

³Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, , Melaka Malaysia, (E-mail: haslinda802@uitm.edu.my)

⁴Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, , Melaka Malaysia, (E-mail: shahmd@uitm.edu.my)

⁵Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, , Melaka Malaysia, (E-mail: norar414@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 15-3-2023
Revised date : 20-3-2023
Accepted date : 1-7-2023
Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Mohd Radzi, F., Mohammad Noh, L. M., Abd Razak, H., Dasuki, S., & Karimon, N. A. (2023). Merungkai Metafora Dakwah Dan Nilai-Nilai Moral Menerusi Visual Komik Awang Bohong. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 347 - 357.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji akan maksud serta gaya penyampaian dakwah menerusi komik Melayu lama “Awang Bohong”, hasil karya oleh Allahyarham Kartunis Rejabhad. Selain itu juga, pengkaji akan menyusuri akan sejarah permulaan kartun serta komik Melayu di Malaysia yang bertemakan dakwah bermula dari zaman pra kemerdekaan dan pasca kemerdekaan secara ringkas. Pemilihan Allahyarham Kartunis Rejabhad yang juga dikenali dengan gelaran sebagai Penghulu Kartun telah menjadi guru kepada ramai kartunis-kartunis dan pelukis komik ternama di Malaysia. Pendekatan kajian dan penulisan ini adalah memahami apresiasi bentuk dan makna karya dan juga konteks penghasilannya. Menggunakan teori empat tahap Pembingkai Visual (Visual Framing) oleh Rodriguez & Dimitrova (2011) dijadikan asas didalam pengkajian ini. Merangkumi aspek deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan digunakan sebagai panduan dalam penelitian karya. Penemuan kajian ini menunjukkan nilai sosial dakwah dan impak budaya masyarakat Melayu menerusi kaca mata Rejabhad.

Kata Kunci: Komik, Rejabhad, Dakwah, Visual Framing

Abstract: *This study aims to examine the meaning and style of da'wah through the old Malay comic "Awang Bohong", the work of the late Cartoonist Rejabhad. In addition, the researcher will go through the early history of Malay cartoons and comics in Malaysia with the theme of da'wah starting from the pre-independence and post-independence era in brief. Selection of the late Cartoonist Rejabhad, who is also known as the "Penghulu Kartun" (The Head Chief of Cartoons), has become a teacher to many famous cartoonists and comic artists in Malaysia. The approach of this study and writing is to understand the appreciation of the form and meaning of the work and also the context of its production. Using the theory of four levels of Visual Framing by Rodriguez & Dimitrova (2011) is used as a basis in this study. Covering aspects of description, analysis, interpretation and consideration are used as a guide in the research of the work. The findings of this study show the social value of preaching and the cultural impact of the Malay community through the eyes of Rejabhad.*

Keywords: *Comic, Rejabhad, Da'wah, Visual Framing*

Pendahuluan

Dakwah amat dititikberatkan oleh Allah s.w.t, seperti yang disabdakan oleh Allah menerusi Hadith sahih Al-Bukhari, "Sampaikanlah walaupun sepotong ayatpun". Surah ini menyatakan berdakwahlah walau dengan apa cara sekalipun. Pendekatan dakwah berjalan dengan cara dan gaya yang berbeza mengikut zaman, dan sering dikaitkan dengan golongan yang lebih berusia. Dakwah menurut Ab. Aziz Mohd Zin (1991) dakwah adalah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau dalam kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah. Tidak terbatas kepada anak-anak kecil, golongan dewasa masih perlu menerima syiar dakwah agar tidak hanyut dengan perkara-perkara yang melalaikan. Justeru penyampaian dakwah perlu diteruskan selaras dengan perkembangan semasa dan kehendak masyarakat pada masa kini, maka medium komik adalah antara wadah komunikasi yang berkesan (Kate Manzo, 2012).

Penyampaian dakwah dan nilai-nilai murni menerusi penghasilan kartun dan komik Melayu telah lama dipraktikkan sejak dari zaman sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Cara pendekatan kartunis sebelum ini banyak menyentuh tentang sifat-sifat dan moral orang Melayu pada ketika itu yang mana banyak dipengaruhi dengan gaya persona penjajah, terutama sekali dari orang-orang British. Kartunis-kartunis yang lantang menyuarakan pendapat mereka pada ketika itu seperti SB Ally, AJL, Raja Hamzah, Ali Sanat.

Kemunculan majalah kartun pertama Malaysia iaitu Gila-Gila pada tahun 1978, menyaksikan beberapa orang kartunis yang cenderung menghasilkan komik-komik yang berunsurkan nasihat dan dakwah menerusi karya-karya mereka. Antara yang paling menonjol pada ketika itu adalah kartunis yang mendapat gelaran Penghulu Kartun Gila-Gila atau Raja Kartun Malaysia iaitu Rejabhad.

Allahyarham Rejabhad (meninggal pada tahun 2002 pada usia 63 tahun) begitu dikenali dengan karya-karya sindiran tajam beliau seperti Periwira Mat Gila atau kisah drama romantis Tan Tin Tun. Namun, pembaca generasi muda pada masa kini kurang mengenali beliau berbanding kartunis Majalah Ujang, Gila-Gila dan Apo? yang popular sekitar 1990-an (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2018) .

Keterlibatan kartunis Rejabhad yang menjadi salah seorang perintis dalam menghasilkan kartun serta komik yang berunsurkan nasihat, dakwah dan nilai-nilai moral yang tinggi telah bermula sejak beliau sama-sama menubuhkan penerbitan majalah Gila-Gila. Ini diperakui sendiri oleh Professor Kartun Malaysia menerusi buku beliau 'Kartun dan Kartunis di Malaysia' yang menyatakan dalam majalah Gila-Gila, mesej dakwah disampaikan menerusi penceritaan yang mempunyai nilai-nilai moral dan pendidikan terutamanya dalam karya-karya Rejabhad (Muliyadi Mahamood, 2015). Kaedah apresiasi dan analisis karya menggunakan teori-teori seni menerusi kertas kajian ini, pengkaji ingin menelusuri metafora dakwah dan nilai-nilai murni menerusi karya komik beliau yang bertajuk Awang Bohong yang menjadi salah satu komik antologi Mawar oh Mawar yang diterbitkan pada tahun 1990

Kajian Literatur

Sejarah Ringkas Komik dan Kartun Dakwah di Malaysia

Kartun bertemakan dakwah pada zaman sebelum kemerdekaan banyak dipengaruhi oleh isu-isu orang Melayu pada ketika itu, yang kebanyakannya bersandarkan hal-hal seperti kemalasan, lalai dengan kehidupan, berfoya-foya dan sebagainya. Penerbitan seperti akhbar Warta Jenaka, Majlis, Utusan Zaman antara yang banyak memainkan peranan dalam menerbitkan kartun-kartun berbentuk editorial yang dihasilkan oleh kartunis-kartunis ejen bebas yang menyumbangkan karya-karya mereka. Mengambil contoh, ciptaan watak Wak Ketok yang dilukis oleh kartunis Ali Sanat pada sekitar tahun 1930an, adalah cetusan kata-kata dari Editor Utusan Zaman iaitu Abdul Rahim Kajai. Ianya amat popular dikalangan para pembaca, hasil gabungan dari kreativiti Ali Sanat dan pemikiran tajam Rahim Kajai yang sinis mengkritik situasi yang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu. (Rudi Mahmood, 2013)

Memasuki era kelahiran majalah kartun pertama Malaysia iaitu Gila-Gila, mesej dakwah disampaikan menerusi penceritaan yang mempunyai nilai-nilai moral pendidikan terutamanya dalam karya-karya Rejabhad (Muliyadi Mahamood, 2015). Kehebatan Rejabhad mengolah dan bercerita menerusi kartun dan komik beliau, menjadikan beliau antara yang terbaik dalam menyampaikan mesej-mesej keagamaan.

Penerbitan majalah-majalah yang bertemakan keagamaan dan dakwah sepenuhnya, mula membuat kemunculan pada sekitar lewat 90an seperti Majalah Lanun, Varia Lawak. Sebelum ini mereka dikenali dengan nama Majalah Ujang yang mana menyediakan beberapa sisipan dakwah di dalam kartun-kartun mereka seperti memaparkan beberapa petikan al-Quran dan hadith riwayat nabi di setiap pengakhiran kartun yang mereka hasilkan. Antara kartunis yang masih meneruskan elemen dakwah menerusi karya-karya mereka meskipun majalah mereka telah pun ditamatkan penerbitan mereka adalah seperti Nik Wafdi, Ujang, dan Duku.

Dikala ini, majalah komik Ana Muslim antara penerbitan yang sarat dengan kisah-kisah keagamaan yang menyasarkan kanak-kanak pra dan pelajar sekolah rendah sebagai pembaca utama mereka.

Teori Pembingkai

Teori Pembingkai atau Teori Bingkai (Framing Theory) merupakan konsep pengkajian dalam memfokuskan perkara akar atau intipati akan sesuatu isu dan bukannya pada topik yang tertentu. Perkara asas dalam Teori Pembingkai ini adalah memfokuskan pada sesuatu perkara dan kemudian memberikannya makna. Mula diperkenalkan oleh Erving Goffman pada tahun 1974, menyatakan bahawa seseorang itu mentafsir apa yang berlaku di sekeliling mereka

dengan menggunakan rangka kerja (bingkai). Hujah Goffman mengatakan manusia merangka pemahaman mereka tentang sesuatu isu atau peristiwa sebagai kriteria sebelum melakukan apa-apa tindakan pada masa hadapan. Dalam analisis bingkai, bingkai gambar (struktur) digunakan secara metafora untuk memahami imej (konteks). Dalam erti kata lain, ‘pembingkai’ bermaksud bagaimana seseorang itu mengatur pengalaman mereka sendiri. Ia ditakrifkan sebagai “komunikasi yang menyebabkan orang lain menerima sesuatu makna daripada yang lain”. (Fairhurst & Sarr, 1996)

Menurut Entman, analisis bingkai disampaikan dengan cara tertentu di mana teks boleh mempengaruhi pemikiran manusia (Entman, 1993). Ini menghubungkan dengan penerangan Goffman tentang rangka kerja sosial yang mana terdapat intervensi yang mengawal bagaimana peristiwa atau cerita ditafsirkan. Ia melibatkan percubaan untuk mempengaruhi pertimbangan, keputusan dan tingkah laku bergantung pada maklumat yang diberikan atau soalan yang dikemukakan. Menurut Ausburn dan Ausburn, elemen visual “seperti warna, cahaya, garis, dan sebagainya berfungsi sebagai perbendaharaan kata yang digabungkan untuk membentuk mesej visual secara keseluruhan” (1978). Apabila beberapa imej disusun dengan cara yang tertentu, ianya bercerita secara visual.

Dalam erti kata lain, pembingkai menggunakan bahasa visual yang membentuk pemilihan aspek atau aktiviti yang disengajakan dengan mengenyampingkan perkara-perkara lain dengan beberapa agenda yang telah ditetapkan di dalam pemikiran (Lippa, 1994). Bahasa dan imej bukan sekadar “menamakan” atau menggambarkan realiti secara pasif, tetapi ianya dicipta dan direka olehnya (Fairhurst & Sarr, 1996)

Menurut Lew Siew Chin menerusi kajian beliau mengenai kartunis Lat, walaupun terdapat peralihan ke arah pembingkai yang terbaharu, yang banyak mendominasi kajian media pada abad ke-21, sehingga baru-baru ini penyelidikan pembingkai kebanyakannya hanya tertumpu pada penilaian teks sahaja, manakala pembingkai visual masih belum diterokai sepenuhnya (2017). Rodriguez dan Dimitrova (2011) mencadangkan sistem mengenal pasti dan menganalisis dengan menggunakan bingkai visual, melibatkan dari segi kandungan atau dari perspektif persepsi khalayak. Mereka mengemukakan teori pembingkai ini dengan 4 tahap iaitu menganalisis visual sebagai denotatif, kemudian melihat visual dengan gaya semiotik. Kemudian, dengan tahap 3, visual dianalisis sebagai konotatif. Akhir sekali, visual dilihat sebagai representasi ideologi.

Metodologi

Kajian analisis ini telah memilih karya hasil kartunis yang dikenali sebagai penghulu kartun Gila-Gila iaitu Rejabhad. Menceburi bidang industri kartun Malaysia hampir 5 dekad, terkenal dengan karya-karya yang menjelmakan kesinambungan kesusasteraan tradisional dalam kartun-kartun beliau. Penglibatan beliau yang sangat panjang dalam telah meletakkan Rejabhad sebagai sumber asas penting dalam mengenali dunia kartun Melayu (Muliyadi Mahamood, 2015). Selain dari nilai kemelayuan yang tinggi, Rejabhad kerap mengisi kartun-kartun beliau dengan nilai-nilai dakwah dan moral yang tinggi. Pemilihan komik pula berdasarkan salah satu karya antologi Rejabhad yang diterbitkan pada tahun 1990 iaitu yang bertajuk Awang Bohong menerusi komik Mawar oh Mawar.

Dalam melakukan tafsiran analisis komik, kajian ini menggunakan model empat tahap Rodriguez dan Dimitrova (2011) untuk mengenal pasti dan menganalisis pembingkai visual.

Pembingkai visual empat tahap mereka memperluaskan proses analisis daripada yang ketara kepada sesuatu yang abstrak dan berbentuk tafsiran.

Setiap tahap mempunyai peranan yang tersendiri. Tahap pertama melihat visual sebagai sistem denotatif, iaitu siapa dan apa yang digambarkan, termasuk sebarang penerangan tekstual yang berkaitan dengan visual. Visual analisis tahap kedua sebagai sistem stilistik-semiotik, di mana dan jenis gaya digunakan, tetapan semiotik, tindakan dan gambaran. Pada tahap ketiga visual dianalisis sebagai sistem konotatif, dengan mengandaikan bahawa terdapat idea atau konsep yang berkaitan pada setiap orang, perkara, dan sebagainya. Visual analisis peringkat atau tahap keempat sebagai representasi ideologi, perkara seperti "mengapa" menjadi persoalan. Proses analisis bingkai pada tahap ini mencari jawapan kepada soalan seperti "Apakah perkara terpenting yang ditunjukkan oleh imej ini?"

Komik Awang Bohong ini merangkumi keseluruhan cerita sebanyak 30 halaman mukasurat. Untuk kajian analisis bingkai bagi kertas kerja ini, pengkaji telah memilih babak halaman 1 panel (babak kekecohan Hari Kiamat tiba) dan halaman 9 panel (perbualan diantara Awang dan ibunya). Pemilihan halaman ini berdasarkan intipati dakwah dan nilai-nilai murni yang ada terdapat didalamnya.

Analisis Pembingkai

Komik Awang Bohong adalah berkisarkan tentang seorang pemuda kampung yang dikenali dengan nama Awang tetapi amat gemar berbohong. Meskipun orang-orang kampung menyedari akan sifatnya yang suka berbohong, tapi mereka merasakan perbuatan Awang itu adalah hiburan bagi mereka. Ibarat seperti mendengar cerita dongeng, dan mereka menderngarnya dengan penuh minat.

Disebalik sikapnya yang suka berbohong itu, Awang memiliki hati yang sangat baik. Salah seorang sahabatnya bernama Mamat meluahkan perasaannya yang dunia kini semakin penuh dengan manusia berbuat dosa. Seakan-akan tidak takut akan hari pembalasan. Perkara itu membuatkan Awang terfikir untuk berbuat sesuatu. Bermula dari situ, dia menyebarkan khabar berita yang dunia akan kiamat pada hari jumaat. Mendapatkan perkhabaran itu, orang-orang kampung mula merasa cemas dengan apa yang disampaikan oleh Awang itu. Maka bermulalah situasi kekacauan bermula apabila mereka mendengar bunyian seperti seakan-akan tiupan sangkakala.

Di halaman mukasurat 85, kartunis Rejabhad melakarkan suasana kekecohan yang berlaku di kampung Awang Bohong apabila mereka terperanjat dengan bunyian yang sangat kuat menghampiri dan memasuki kawasan kampung mereka.

Jadual 1: Analisis Bingkai Ilustrasi 1

Ilustrasi 1	Tahap 1
	a. Suasana di atas jalan kampung b. Manusia sedang lari bertempiaran c. Setiap orang sedang bertempik dan menjerit ketakutan d. Kedengaran bunyi yang sangat kuat e. Ada yang sedang menangis dan juga kebingungan.



Tahap 2

- Gambaran suasana dimana semua orang menyangkakan hari sudah kiamat
- Seseorang sedang menadah tangan ke langit memohon keampunan.
- Ada yang melompat ketakutan kerana merasakan ajal mereka sudah tiba
- Seorang suami memegang bahu isterinya sambil membuat pengakuan yang dirinya telah berkahwin lain tanpa memberi tahu isteri pertama.
- Seorang penduduk kampung cuba menenangkan ketegangan yang sedang berlaku dengan menyatakan masih belum lagi berlaku kematian kerana mereka masih boleh mendengar dan melihat.

Tahap 3

- Ciri-ciri pakaian yang dipakai oleh masyarakat nusantara seperti berbaju kurung, berbaju Melayu, bersampin, bertanjak dan bersongkok.
- “Itu dia bunyi sangkakala, tanda kiamat berlaku” dan “Kalau aku tahu hari ni kiamat, dari dulu lagi aku sembahyang”*, pernyataan dalam bentuk percakapan yang menunjukkan sebahagian besar penduduk kampung tersebut beragama Islam.

Tahap 4

- Gambaran manusia yang lalai dengan tanggungjawab di dunia dan kemudian ketakutan menimpa apabila tiba hari pembalasan
- Masih lagi yang menidakkan kehadiran hari kiamat meskipun tanda-tanda telah kelihatan
- Mula merasakan penyesalan akibat tidak menunaikan kewajipan/suruhan Allah ketika di dunia.

Menerusi ilustrasi 1 ini, secara sinis dan humor Rejabhad gambarkan akan situasi dimana manusia menjadi ketakutan dan kesedihan dengan situasi dimana mereka percaya yang hari kiamat sudah tiba. Ramalan dan sangkaan ini adalah mengikut dari petikan Surah An-Naaziat, ayat 1-14 yang membincangkan tentang hari kiamat . Firman Allah secara jelas menceritakan suasana berikut dan diterjemahkan oleh Rejabhad menerusi halaman ini.

“Pada masa berlakunya “tiupan sangkakala yang pertama” yang menggoncangkan alam, (sehingga mati segala yang bernyawa dan punah-ranah sekalian makhluk selain dari yang dikecualikan),” – Ayat 6. Kapsyen bertulis dengan gemaan “TUUUUUUUUT, POM, POM, CENG!” memberi bingkai yang sangkakala sedang ditiupkan.

Petikan Firman Allah s.w.t tersebut dibingkaikan oleh Rejabhad secara harfiah bahawa tiupan sangkakala itu benar-benar berbunyi seperti alat tiupan. Malah salah seorang orang kampung mengiyakan ianya adalah tiupan sangkakala. Dengan keadaan berlari-lari sambil isyarat tangan menunjukkan pemuda tersebut sedang berteriak memberi peringatan, serta mimik muka menampakkan keadaan dirinya yang amat cemas dengan situasi yang berlaku.

Namun dalam keriuhan itu, terdapat juga yang cuba untuk menenangkan yang lain kerana itu merupakan tiupan yang mengejutkan, walhal ada yang berteriakan sambil menyatakan “KIAMAT, KIAMAT, MATILAH KITA!!”. Menurut hadis nabawi yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w, diriwayatkan yang tiupan sangkakala akan berlaku sebanyak 3 kali tiupan iaitu: Tiupan pertama untuk mengejutkan, tiupan kedua untuk mematikan, dan tiupan ketiga untuk membangkitkan.

Petikan dari Ayat 6 Surah An-Naaziat iaitu “...sehingga mati segala yang bernyawa dan punah ranah sekalian makhluk selain dari yang dikecualikan”. Manusia adalah makhluk yang bernyawa, dan akan mati setelah kedengaran tiupan tersebut. Seorang lelaki lengkap berpakaian baju melayu dan bersampin, dan dikepalanya memakai tarbus (penutup kepala untuk orang berbangsa/berketurunan Arab atau dari Timur Tengah) cuba menenangkan keadaan yang tak mungkin itu adalah tiupan yang akan mematikan manusia kerana ianya hanya tiupan yang pertama, malah kesemua mereka masih lagi belum mati kerana masih boleh mendengar dan melihat. Secara sinisnya Rejabhad menyentuh tentang adanya sebilangan umat Islam yang mengetahui tentang kewujudan hari Kiamat dan tentang benarnya hari pembalasan dari Allah s.w.t kepada seluruh hambaNya tapi masih lagi mahu menafikan akan tibanya hari tersebut.

“Hati (manusia) pada hari itu berdebar-debar takut,” – Ayat 8, petikan ayat ini juga disampaikan oleh Rejabhad dimana keadaan riak wajah orang-orang kampung yang sedih, ketakutan, hampa tidak dapat untuk menunaikan ibadah yang ditinggalkan. Setiap orang kampung menunjukkan riak kekecewaan mereka yang masing-masing dan mula meluahkan akan kekesalan dan berlaku jujur kepada orang terdekat mereka akan rahsia yang selama ini mereka simpan. Antaranya tidak menunaikan solat, dan berbohong dengan isteri.

Jadual 2: Analisis Bingkai Ilustrasi 1

			
Menadah tangan tanda memohon ampun dari Allah s.w.t. Sebilangan yang lain mendongakkan kepala mereka ke langit bagi mendapatkan kepastian sama ada kiamat benar-benar terjadi (langit runtuh)	Wanita pertama menangis kesedihan sambil ditenangkan. Manakala wanita kedua wajah didongakkan ke langit.	Lelaki pertama menangis dan menyatakan kekesalan kerana tidak menunaikan solat, manakala lelaki kedua cuba menenangkan bahawa pahala solat masih boleh diperoleh, tapi cuma sedikit.	Si suami membuat pengakuan terakhir kepada si isteri bahawa dia sudah mempunyai isteri kedua. Si isteri terkejut namun lega kerana si suami berterus terang hanya disebabkan hari kiamat telah tiba.

Menadah tangan tanda memohon ampun dari Allah s.w.t. Sebilangan yang lain mendongakkan kepala mereka ke langit bagi mendapatkan kepastian sama ada kiamat benar-benar terjadi (langit runtuh) Wanita pertama menangis kesedihan sambil ditenangkan. Manakala wanita kedua wajah didongakkan ke langit. Lelaki pertama menangis dan menyatakan kekesalan kerana tidak menunaikan solat, manakala lelaki kedua cuba menenangkan bahawa pahala solat masih boleh diperoleh, tapi cuma sedikit. Si suami membuat pengakuan terakhir kepada si isteri bahawa dia sudah mempunyai isteri kedua. Si isteri terkejut namun lega kerana si suami berterus terang hanya disebabkan hari kiamat telah tiba.

Untuk Illustirasi 2, adalah babak selepas orang kampung menyedari yang Awang telah berbohong kepada mereka tentang ketibaan hari kiamat. Akibatnya Awang telah dipukul, lantas Awang segera berlari ke rumah untuk mengadu kepada ibunya. Bagi lakaran ini, Rejabhad menggunakan 9 panel bingkai untuk menyampaikan cerita, berbanding dengan Illustirasi 1, hanya menggunakan 1 panel sahaja untuk keseluruhan bingkai.

Jadual 3: Analisis Bingkai Illustirasi 2

Illustirasi 2	Analisis
	Tahap 1 - Suasana di dalam sebuah rumah kampung berdingkan anyaman kulit kayu bertam - Perbualan antara Awang dan ibunya.
	Tahap 2 - Awang berbaringan dilantai akibat kesakitan setelah dipukul Bagong - Emak Awang membantu melegakan kesakitan Awang dengan meniupkan nafas di kepala Awang. - Emak Awang juga menyapukan ubat kepala Awang yang berbenjol
	Tahap 3 - Si emak berbaju kurung kedah dan berkain batik, rambutnya di ikat sanggul tinggi, helaian rambut nipis bagi menampakkan si ibu telah pun tua. - Emak Awang menegur Awang kerana perbuatan berbohongnya itulah mengakibatkan kepalanya berbenjol. - Awang mempertahankan perbuatan dia berbohong itu telah ramai menginsafkan ramai orang dan meramaikan orang pergi ke masjid

Tahap 4

Jika dilihat dan diperhalusi karya-karya dan lakaran kartunis Rejabhad sebelum ini, beliau kerap memaparkan hubungan rapat antara ibu dan anak, terutama sekali anak lelaki. Ini adalah kebiasaan pada hubungan kekeluargaan terutama sekali pada keluarga Melayu yang anak lelaki akan menjaga dan membela ibunya, apatah lagi jika keluarga kehilangan bapa, maka si anak lelaki akan mengambil alih peranan sebagai ketua keluarga.

Perwatakan ibu Awang digambarkan sebagai seorang yang sangat penyayang. Dimulai dengan menanggalkan semutar (pengikat di kepala untuk lelaki Melayu), beliau meniup kemudian menyapukan ubat dibenjol yang ada di kepala Awang. Tindakan ibu Awang adalah perbuatan tipikal ibu bapa untuk melegakan kesakitan si anak. Meskipun ianya tidak akan menyembuhkan, tapi dapat memberi rasa tenang. Sebagai seorang yang berumur juga, ibu Awang menuturkan kata-kata nasihat seperti “bercakap bohong tidak digalakkan oleh agama kita”. Ini bertepatan dengan firman Allah:

“Maka jauhilah kalian akan kotoran berhala dan jauhilah kalian ucapan yang dusta”
(Surah al-Hajj, ayat 30)

Ini kerana hakikatnya, Islam mengajar umatnya bersikap jujur. Meskipun Awang mempertahankan perbuatan berbohongnya itu telah meramaikan orang pergi ke masjid, yang bersalah mengaku kesalahannya namun ianya masih tidak menjustifikasikan perbuatan Awang itu dibenarkan.

Metafora Dakwah Dan Nilai-Nilai Murni

Ibadah Solat

Menerusi bingkai Illustirasi 1 dan 2, Rejabhad secara berulang menekankan tentang kepentingan solat. Di Illustirasi 1, babak dimana 2 orang lelaki berpelukan, lelaki pertama mula menginsafi dan rasa menyesal kerana tidak menunaikan solat ketika kiamat hampir tiba. Lelaki kedua mengungkapkan “Sekarang pun masih boleh lagi, tapi pahalanya sebesar hama”. Perumpamaan sebesar zarah atau sebesar hama adalah representasi objek atau perbuatan yang tidak mampu dilihat oleh mata kasar kerana sifatnya yang sangat halus dan kecil. Perumpamaan yang diberikan mempunyai 2 maksud disini, pertama amal ibadah yang dilakukan pada masa-masa akhir masih lagi diterima oleh Allah s.w.t dan pahalanya masih dikira, yang kedua ianya sindiran Rejabhad tentang perbuatan sesetengah manusia yang hanya sedar akan kekhilafan sebilangan umat Islam yang hanya menyedari dosa-dosa mereka apabila malang atau bala menimpa. Manakala Illustirasi 2, Awang menyatakan dengan bercakap bohong, ramai orang bukan Melayu mula memasuki masjid. Sekali lagi, ini adalah sindiran Rejabhad kepada mereka yang tidak pernah menjejakkan kaki ke masjid sehingga yang bukan Melayu (bukan beragama Islam) pun terikut sama memasuki rumah ibadah tersebut akibat mempercayai perbuatan bohongnya itu.

Keinsafan

Maksud kiamat didefinisikan didalam Kamus Dewan sebagai “penghidupan semula atau kebangkitan sekalian manusia daripada mati”, manakala Hari Kiamat pula merujuk kepada “hari penghabisan dalam kehidupan dan dibangkitkan semula bagi menghadapi keadilan Tuhan”. Beriman pada Hari Kiamat adalah perkara ke empat yang diwajibkan oleh umat Islam untuk dipercayai. Seringkali manusia lambat memberi reaksi akan tanda-tanda kecil, mahupun tanda-tanda besar apabila tibanya hari kiamat. Namun setelah tibanya hari tersebut, maka

keinsafan mula ditunjukkan. Perlakuan seperti tangisan, berpelukan, mengangkat tangan ke langit sebagai tanda ketakutan dan keinsafan yang dizahirkan secara fizikal oleh Rejabhad akan sikap sebilangan orang kampung yang ketakutan dengan situasi yang berlaku.

Keredhaan

Mengambil petikan Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh JAKIM pada 20 May 2016, sifat redha manusia terbahagi kepada 2 iaitu redha menerima peraturan (hukum) Allah SWT yang di'taklif'kan (dibebankan) kepada manusia. Yang kedua pula redha menerima ketentuan (qadha') Allah tentang nasib diri. Ibu Awang menyedari akan perbuatan Awang yang pada awalnya gemar berbohong demi mendapatkan perhatian dari orang-orang kampung. Sampai masanya perbuatannya yang suka berbohong itu telah mengakibatkan kecederaan kepada Awang. Sampai masa ibu Awang menyedari sikap Awang itu akan memakan dirinya kelak, namun beliau redha. Malah ibu Awang tetap menyayangnya tanpa prejudis, dengan perlakuan mengubati kepala Awang yang benjol akibat dipukul oleh Bagong.

Rumusan

Untuk mendapatkan kefahaman yang betul tentang dakwah, perlu ada strategi dakwah Islamiah yang berteraskan dakwah sebenar kepada masyarakat (R.Romli, 2019). Melalui komik, mesej-mesej akhlak, akidah, dan syariah yang disampaikan dengan gaya ilustrasi yang menarik, secara tidak langsung memberi sumbangan positif dalam membangunkan strategi dakwah dan menanam sifat nilai-nilai murni.

Rendisi metafora yang digunakan oleh Rejabhad menerusi komik Awang Bohong jelas dengan selitan sindiran yang halus tanpa mengeneipkan humor di dalamnya. Analisis karya kartun dengan menggunakan kaedah Pembungkahan Visual ini juga tampak menunjukkan ketelitian kartunis dalam mempamerkan elemen nilai-nilai murni dan juga Pendekatan dakwah yang dipaparkan padat dengan kata-kata nasihat dengan penggunaan kesusasteraan yang indah. Menerusi kajian kertas kerja ini, komik bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan dengan naratif yang panjang, tapi juga mampu sebagai medium penyampaian dakwah serta nilai-nilai murni kepada pembaca.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin, (1999), Pengantar Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.2
- Elmes, D. (2013). The Relationship between Language and Culture. National Institute of Fitness and Sports in Kanoya International Exchange and Language Education Center.
- Entman, R. M. (1993). Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication*. Vol. 43(4), 4-191.
- Fairhurst, G. & Sarr, R. (1996). *The Art of Framing*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Goffman, E. (1974). *Frame Analysis: An Essay on the Organization of Experience*. Boston: Northeastern University Press.
- Kate Manzo, (2012), 'Earthworks: The Geopolitical Visions Of Climate Change Cartoons', *Political Geography*, 31(8), November
- Melihat Garis Komik Dan Lakaran Sejarah. (2013, December 19). *Melihat Garis Komik Dan Lakaran Sejarah | Komik Melayu Malaysia*. <https://rudimahmood.wordpress.com/2013/12/19/melihat-garis-komik-dan-lakaran-sejarah/>

- Mohd Radzi, Fazlina; Harun, Azahar. Kartun Bertemakan Dakwah Islamiyah Atas Talian: Interpretasi Dakwah Satira Dan Sarkastik. E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU), [S.l.], v. 1, p. 50-61, mar. 2021. ISSN 2600-9617
- Muliyadi Mahamood (2015), "Kartun dan Kartunis di Malaysia" Kuala Lumpur, Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nor 'Asyikin Mat Hayin (24 Januari, 2017) 'Kenali kartun kita' harian Metro, <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/01/306536/kenali-kartun-kita>
- Rejabhad (1990) Mawar oh Mawar, Creative Enterprise Sdn. Bhd.